

TAHAP PENGHAYATAN AGAMA DALAM KALANGAN REMAJA HAMIL TANPA NIKAH

**Siti Aishah Yahya & Sidar Binti Nasrun,
sitiiaishah@kuim.edu.com
Kolej Universiti Islam Melaka**

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk menjelaskan dengan dengan lebih mendalam mengenai Tahap Penghayatan Agama Delinkuen Dalam Kalangan Remaja Hamil Tanpa Nikah. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi penghayatan agama dan merungkaikan permasalahan yang dihadapi dalam kalangan Remaja Hamil Tanpa Nikah, kajian-kajian lepas dan seterusnya bertitik tolak dari Tahap Kesedaran Agama terhadap Remaja Hamil Tanpa Nikah, maka penulisan ini juga akan mengemukakan beberapa cadangan bagi memberi pendedahan kepada umum tentang Pendekatan Psikologi Dakwah terhadap remaja tersebut. Tahap Kesedaran Agama Menurut Al-Ghazali (1988), akhlak seorang manusia boleh di bentuk dan diasuh menjadi baik menerusi kaedah *mujahadah* (perjuangan) dan *riyadah* (latihan). Kaedah ini merujuk kepada kaedah pendidikan akhlak dengan meningkatkan ilmu pengetahuan agama islam dan berusaha bersungguh-sungguh melakukan kebaikan sehingga menjadi bertingklaku dalam kehidupan seharian. Kaedah ini dinamakan sebagai *tazkiyah al-nafs* (pembersihan jiwa). Hasil dari perbincangan mengenai pendekatan Psikologi dakwah dari sudut Psikoterapi Islam terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu Psikoterapi dalam Al-Quran yang dibincangkan dari iman dengan akidah, takwa dan ibadah yang akan dapat merungkaikan segala permasalahan dalam kalangan Remaja Hamil Tanpa Nikah.

Kata Kunci: *Tahap Penghayatan Agama, Remaja Hamil Tanpa Nikah*

LEVELS OF RELIGION APPRECIATION AMONG UNWED PREGNANT ADOLESCENTS

ABSTRACT

This study aims to elucidate more about the relationship between Levels of Religion Appreciation among Unwed Pregnant Adolescents. The aim of this study was to identify factors that affect religion appreciation and reveal the problems among adolescents who get pregnant out of wedlock, previous studies and thus starts from the Religion Appreciation Levels of Unwed Pregnant Adolescents, and then this paper also made several proposals to expose to the public about the Psychological Preach Approach towards those adolescents. Religion Appreciation Level According to Al-Ghazali (1988), one's character can be shaped and well nurtured by a method of *mujahadah* (struggle) and *riyadah* (training). This method is referred to the method of moral education by improving the knowledge of Islam and strive to do good so it becomes a good practice in everyday life. This method is named *tazkiyah al-nafs* (purification of the soul). The results of the discussions on the Psychological Preach approach from the point of Islamic Psychotherapy can be divided into several parts; Psychotherapy in the Quran discussed with the faith, piety and prayer that are able to disclose all the problems among Unwed Pregnant Adolescents.

Keywords: Religion Appreciation Levels, Unwed Pregnant Adolescents

PENGENALAN

Malaysia telah melangkah menuju ke alaf baru yang berorientasikan sains dan teknologi. Dalam era kecanggihan teknologi telah menyebabkan ramai remaja terlibat dengan masalah sosial yang mendorong mereka terjerumus ke dalam aktiviti-aktiviti yang tidak sihat. Kita sering dengar laporan bayi yang dijumpai di dalam tandas, di tepi longkang, dan lain-lain tempat tanpa ada perasaan kemanusiaan. Ramai remaja mengalami keruntuhan akhlak di mana kehidupan mereka tidak berasaskan kepada ajaran Islam. Mereka lebih mengikut panduan hawa nafsu semata-mata untuk mendapatkan keseronokan tanpa memikirkan masa depan yang bakal ditempuhi. Remaja merupakan aset dalam sesebuah negara. Tingkah laku yang di tunjukkan oleh remaja akan memberi kesan kepada kemajuan sesebuah negara.

Di peringkat global, remaja membentuk satu per lima daripada keseluruhan penduduk dunia. Manakala di Malaysia, 21 peratus atau 5 juta penduduk Malaysia adalah golongan remaja (Safurah, 2011: 2). Namun segelintir golongan remaja pada hari ini tidak seperti yang di harapkan kerana mereka cenderung dengan perkara-perkara yang tidak bermoral dan pelbagai masalah sosial.

Berdasarkan laporan banci penduduk dan perumahan Malaysia (2010), penduduk Malaysia telah mencecah 28.3 juta orang dan dijangkakan akan mencecah 35 juta orang menjelang tahun 2020. Malaysia juga merupakan salah satu sebuah negara yang mempunyai kadar kesuburan yang begitu baik. Menurut Jasiman dan Nora (2000), hampir setiap tahun peratusan kadar penduduk melebihi 2.5 peratus. Angka ini dianggap besar jika dibandingkan dengan negara-negara maju yang lain. Justeru dengan perangkaan ini, kependudukan bukanlah masalah utama, apa yang lebih utama adalah isu berkaitan status kelahiran tanpa nikah (*burn out of wedlock*) semakin tidak terkawal dan menggusarkan banyak pihak lebih-lebih lagi masalah yang berlaku ini melibatkan golongan remaja.

Dalam konteks Malaysia, harapan untuk menjadi negara maju pada tahun 2020 adalah ditentukan oleh generasi belia yang seimbang daripada segi intelek, spiritual, emosi dan jasmani berdasarkan keimanan kepada Allah seperti digariskan dalam falsafah pendidikan kebangsaan dan dasar pembangunan belia negara. Ini kerana negara perlu maju bukan sahaja dari segi ekonomi, malah dalam semua aspek merangkumi politik, sosial, spiritual, psikologi dan budaya (Mahathir, 1991). Walau bagaimanapun, hasrat Malaysia untuk menjadi negara maju tentunya menjadi rumit sekiranya belia negara ini terjebak dengan tingkah laku negatif dan permasalahan akhlak yang bertentangan dengan nilai-nilai ketimuran dan prinsip islam.

Kekuatan dan kelemahan sesuatu bangsa amat bergantung kepada golongan muda yang merupakan tonggak dan pewaris kesinambungan pembangunan dan kesejahteraan negara. Golongan muda yang cemerlang dalam pelbagai aspek seperti akademik, kemahiran, sahsiah dan jati diri amat diperlukan untuk menyumbang secara positif kepada kecemerlangan dan pengukuhan ekonomi serta masa depan negara (Fauziah, 2009). Hal yang demikian, golongan remaja merupakan pemangkin dalam kemajuan sesebuah negara untuk masa hadapan. Menurut ulama Imam Hassan Al-Banna, kemajuan sesebuah negara pada akan datang boleh dilihat melalui remaja masa kini kerana golongan remaja ini adalah penyambung dalam kepimpinan pada masa akan datang.

Seperti yang kita tahu, alam remaja merupakan satu tahap kritikal dalam kehidupan manusia iaitu tempoh peralihan daripada alam kanak-kanak kepada alam dewasa. Ahli psikologi telah mengistilahkan alam remaja sebagai ‘umur emosi’ (*emotional age*) kerana di peringkat mencari identiti, mereka sering berhadapan dengan konflik diri dimana wujud dua pertembungan iaitu antara sifat kanak-kanak dan keinginan serta kebimbangan untuk menepuhi alam dewasa. Tetapi kini, remaja terlalu jauh meninggalkan batas keperibadiannya serta melupakan nilai-nilai etika moral yang sepatutnya tersemam dalam diri mereka.

Dalam kemajuan era pada masa kini, masalah hamil luar nikah menjadi masalah sosial yang lumrah dan tidak asing lagi kepada masyarakat. Perangkaan Jabatan Pendaftaran Negara bagi tahun 2000 hingga julai 2008 mencatatkan lebih 257,000 sijil kelahiran didaftarkan tanpa catatan nama bapa. Ini bermakna secara purata 25,000 kes anak luar nikah direkodkan setiap bulan atau hampir 84 kes

setiap hari. Peningkatan jumlah ini menunjukkan bahawa masalah hamil tanpa nikah memperlihatkan keruntuhan moral, tiada kesedaran agama dan nilai etika dalam kehidupan remaja pada masa kini.

Ekoran daripada itu, Malaysia lebih 300 orang kanak-kanak dan remaja melayu berumur antara 13 - 25 tahun telah di dapati terlibat dengan salah laku seksual dan seks bebas sehingga menyebabkan kehamilan dan kesanggupan untuk melakukan pengguguran janin (Mohammad Shatar Sabran 2003 : 128). Manakala, menurut hasil kaji selidik Seks Durex (2002), remaja Malaysia yang berusia 18 tahun ke bawah kerap melakukan hubungan seks iaitu sebanyak 135 kali setahun. Berikutan dengan ini, wujudlah masalah hamil tanpa nikah dan masalah kesihatan seksual dalam kalangan remaja.

Dalam era globalisasi yang mana manusia harus berhadapan dengan pelbagai cabaran khasnya yang berkaitan dengan masalah sosial dan keruntuhan akhlak dalam kalangan generasi muda remaja semakin menjadi-jadi. Fenomena ini amat membimbangkan individu, keluarga, masyarakat dan negara dalam membina negara bangsa beretika dan rakyat yang mempunyai jati diri. Fenomena ini tidak selari dengan cabaran keempat yang digariskan dalam mencapai mencapai wawasan 2020 bagi mewujudkan masyarakat bermoral, beretika, warganegara yang kukuh nilai agama dan kejiwaan serta mempunyai etika paling tinggi (Nazri Muslim & Nasruddin Yunus, 2006).

Malaysia memerlukan rakyat yang bermoral tinggi dan berakhlak terpuji bagi menghadapi globalisasi dan bersaing dalam pasaran global. Bagi mencapai hasrat kerajaan, Kementerian Pelajaran Malaysia mengorak langkah membawa pelajar ke arah pembentukan insan bertanggungjawab dan merealisasikan wawasan 2020 (Jamaluddin Ahmad & Sidek Mohd Noah, 2001). Dalam keghairahan menuju negara maju, tanpa disedari ramai remaja yang tercicir dalam arus pendidikan. Keciciran dalam arus pendidikan boleh menjerumuskan pelajar dalam pelbagai masalah sosial antaranya ialah aktiviti salah laku seksual atau hamil tanpa nikah. Sebagai salah satu usaha murni untuk membantu mengatasi masalah tersebut, beberapa faktor pelindung Bgi menangani masalah berkaitan dengan remaja adalah di perlukan (Smith, 2004).

Menurut Islam, tujuan akhir pendidikan agama ialah membentuk insan yang bersih kognitifnya, bersih personalitinya, bersih corak hidupnya, emosi, suci budi pekerti dan murni pergaulan sosial daripada sebarang unsur yang lain daripada landasan ilahi yang terkandung dalam Al-Quran dan Hadis (Nik Azis, 1988).

LATAR BELAKANG KAJIAN

Tingkah laku golongan remaja khususnya semakin mencabar dengan pelbagai masalah di dalam negara terutama berkaitan dengan masalah hamil tanpa nikah yang semakin membimbangkan yang sering menjadi umpama rencah dalam rutin kehidupan remaja.

Menurut Kazdin (1980: 15), tingkah laku abnormal adalah perlakuan yang tidak boleh di terima di sisi norma masyarakat. Norma tersebut merujuk kepada peraturan tingkah laku yang di akui oleh masyarakat yang merangkumi nilai, budaya, dan jangkaan peranan yang di persetujuan oleh sesebuah masyarakat. Norma antara sesebuah masyarakat juga berbeza antara satu sama lain. Misalnya, perlakuan homoseksual boleh diterima oleh masyarakat di barat tetapi tidak oleh masyarakat di Malaysia. Perlakuan tersebut turut dianggap abnormal kerana bertindak di luar landasan norma masyarakat negara ini. Penyataan ini, secara tidak langsung menggambarkan perihal yang sama terhadap perlakuan hamil tanpa nikah (Azizi Yahya & Jamaluddin, 2007: 4).

Hamil tanpa nikah adalah hasil daripada hubungan kelamin yang tidak halal iaitu zina. Perbuatan zina adalah perbuatan keji yang dilarang keras oleh islam merujuk kepada hukumnya didalam Al-Quran. Maka islam mengawalinya dengan mensyariatkan perkahwinan serta meletakkan peraturan yang jelas bagi menjamin kesejahteraan masyarakat, penyebaran kebaikan, serta pengekalan keturunan (Mustafa Al-Khin, 2009: 672).

Robiah (2001) dalam tulisannya berkaitan dengan “Remaja Dan Pengurusan Diri” berpendapat bahawa kepercayaan agama merupakan suatu tenaga paling unggul untuk mencegah dan menentang tentang segala unsur negatif yang menyerang emosi dan mental. Pegangan prinsip dan pendirian yang kukuh berlandaskan ajaran agama dapat mencegah seseorang remaja daripada di pengaruhi oleh unsur-unsur pergaulan bebas yang tidak sihat dan melampaui batasan. Pendidikan agama yang di semai sejak zaman kanak-kanak akan memberi kesedaran agama dalam diri mereka dimana ia mampu membentuk perkembangan diri remaja yang positif serta mempunyai nilai-nilai murni dalam jiwa mereka.

Kita percaya bahawa pendidikan agama memberi kesan terhadap pembentukan sahsiah serta menentukan mutu kehidupan yang baik. Ia juga berkait rapat dengan aspek pembentukan moral remaja dan masyarakat. Tetapi salah laku masih berlaku di kalangan pelajar yang menerima pendidikan agama. Mengapakah fenomena ini berlaku? Ia tidak semestinya berpunca daripada kepincangan pengisian pendidikan agama itu sendiri.

Penghayatan agama dalam diri seseorang individu di lihat mampu menolak perlakuan negatif dan unsur-unsur yang bertentangan dengan ajaran agama (Sarina, 1995). Pandangan ini menggambarkan bahawa betapa pentingnya pendidikan agama ke arah pembentukan sahsiah dan akhlak yang sempurna dalam kalangan remaja untuk mengelakkan para remaja terlibat dengan pergaulan seks bebas yang boleh menyebabkan masalah remaja hamil tanpa nikah. Kajian yang dijalankan oleh Michelle, Thomas dan Sinyangwe (1989), mendapati bahawa penghayatan agama yang sempurna boleh menjadi pegangan moral yang baik dalam diri remaja dan seterusnya memberi arah kepada mereka untuk berfikir dengan bijak sebelum melakukan sesuatu yang tidak bermoral.

Justeru itu, menyedari bahawa aspek keagamaan merupakan elemen penting untuk mengekang masalah sosial yang lebih rumit, maka penerapan dan pengukuhan agama dalam kalangan anak-anak sebelum ke peringkat remaja perlu diberikan perhatian utama. Pengetahuan agama yang kukuh mampu menjadi pelindung kepada generasi muda remaja yang berada di peringkat pembesaran dan sedang mencari identiti diri (Corcoran & Nichols-Casebot, 2004: Wallace dll, 2007). Menurut McCullough & Willioughby (2006), remaja yang mempunyai pegangan dan pengetahuan agama yang tinggi mampu mengatur kehidupannya dengan lebih tenang, sempurna dan sejahtera.

KAJIAN LEPAS

Dalam kajian lepas ini membincangkan dari sudut kajian tempatan dan kajian luar negara. kedua-dua kajian ini melihat kepada aspek agama dalam kalangan remaja hamil tanpa nikah.

Kajian Tempatan

Hampir separuh penduduk negara ini terdiri daripada golongan remaja, permasalahan sosial dan akhlak juga banyak melibatkan golongan ini. Kajian yang dijalankan oleh Mohd. Fauzi & Mohd. Khairul Naim (2012), menjelaskan bahawa gejala seks bebas, pengguguran kandungan, kelahiran anak luar nikah, dan pembuangan bayi dalam kalangan remaja hari ini bukan lagi menjadi suatu perkara asing dalam masyarakat. Relaitinya, pada masa kini, mereka menerima perlakuan 'intim' seperti berpeluk, bercium dan hubungan seks antara pasangan kekasih sebagai suatu gaya hidup yang normal. Kajian menunjukkan 60-70 peratus pelajar sekolah rendah berumur 9-12 tahun mengetahui mengenai seks dan berminat untuk mengetahui lebih lanjut melalui bahan-bahan lucu.

a) Agama

Sementara itu, kajian penghayatan agama merupakan kajian yang di lakukan oleh Miftah Aulia Andisti dan Ritandiyono yang bertajuk "Hubungan Antara Religiousitas Dan Perilaku Seks Pada Dewasa Awal" (2007), bertujuan untuk melihat hubungan penghayatan dan kesedaran agama serta perilaku seks yang berlaku pada dewasa awal (remaja). Berdasarkan analisis data yang dilakukan dengan menggunakan teknik korelasi produk moment dari pearson (2-tailed), mendapati bahawa koefision korelasi yang diperoleh berjumlah ($r = -0.378$) dengan taraf signifikan yang berjumlah 0.007 ($p < 0.01$). Berdasarkan hasil tersebut, maka terdapat hubungan yang signifikan antara penghayatan agama dengan perilaku seks bebas. Jadi hipotesis di dalam penelitian ini di terima. Hal ini bermaksud, semakin tinggi penghayatan agama maka semakin rendah perilaku seks bebas (remaja). Laporan mengenai fenomena remaja Malaysia dan seks tanpa nikah turut di dedahkan oleh Healthcare Malaysia Sdn. Bhd yang di buat oleh

Durex (2002), ke atas 2,500 responden lelaki dan wanita yang berumur antara 18 hingga 30 tahun tanpa mengira bangsa. Berdasarkan soal selidik yang diedarkan, didapati remaja yang berumur dalam lingkungan 18 hingga 24 tahun paling kerap melakukan hubungan seks dan melahirkan anak tanpa nikah. Secara purata, remaja melakukan hubungan sebanyak 121 kali setahun atau tiga kali seminggu dan percintaan merupakan faktor utama responden melakukan seks tanpa nikah (Mohd. Fauzi & Mohd. Khairul Naim, 2012; Farahwahida & Norzila, 2011).

Sementara itu, Jas Llaile Suzana Jaafar (2005), dalam kajiannya yang bertajuk “Takat Keagamaan (Religiosity) Dan Motivasi Sosial Seks Sebelum Nikah Di Kalangan Remaja Melayu” mendapati majoriti remaja lelaki mendapat pengalaman belajar tentang seks dari majalah lucah berbanding dengan remaja perempuan yang mendapat pengalaman dari teman lelaki. Kajian turut menunjukkan remaja melakukan seks buat kali pertama ketika berumur 18 tahun hingga 20 tahun dan 44% melakukan hubungan seks dengan teman lelaki dan wanita. Peratusan yang tinggi juga menunjukkan remaja tidak menyesal dengan tingkah laku mereka iaitu melakukan seks sebelum nikah.

Kajian oleh Fatin Hazwani (2005) iaitu “Hubungan Internal Religiosity Dengan Budaya Amali Pelajar Sekolah Menengah Agama” bertujuan untuk menghasilkan skala pengukuran agama yang kurang di dalam negara. Kajian beliau telah menggunakan kaedah tinjau-selidik berskala Likert dan analisa korelasi. Bagi mengukur *internal religiosity (IIR)*, satu set inventori yang di namakan *Inventori Internal Religiosity (IIR)* menggunakan kaedah faktor analisis.

Kajian rintis bagi menguji IIR di lakukan dalam kalangan 120 orang mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berumur antara 19 hingga 28 tahun yang menerima pendidikan islam. Proses penyemakan dan penapisan di lakukan berulang kali sehinggalah 62 item di terima pakai untuk set tersebut. Hasil daripada keseluruhan kajian mendapati domain personaliti berkorelasi dengan domain-domain (IIR) dan domain Budaya Amali. Ini memberi gambaran bahawa tret personaliti mempunyai hubungan dengan *internal religiosity* dan Budaya Amali.

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Hazura (2009) iaitu “Hubungan antara Penghayatan Agama, Nilai Hidup Dan Pengetahuan Alam Sekitar Pelajar Muslim Dengan Sikap dan Tingkah Laku”. Telah meneliti faktor pendorong ke arah penghayatan agama dalam kalangan pelajar islam di sebuah IPT di Malaysia. Kajian tersebut bertujuan untuk melihat persepsi terhadap tahap penghayatan agama dan faktor paling utama yang mendorong ke arah penghayatan dalam kalangan pelajar Islam di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Aspek yang telah di kaji meliputi faktor ibu bapa, rakan sebaya, persekitaran pendidikan, media massa, idola dan masyarakat. Seramai 111 orang responden dalam kalangan pelajar tahun empat Fakulti Pendidikan, UTM Skudai, Johor telah terlibat dalam kajian ini.

Dari sudut takat keagamaan, majoriti remaja melakukan seks kerana tidak kuat pegangan agama yang mana ia selaras dengan keputusan remaja yang tidak menyesal dengan tindakan mereka melakukan seks sebelum nikah. Selain itu, kajian mendapati bahawa remaja melakukan seks kerana ingin tahu dan merasa seks, mahukan pengalaman seks, membuktikan rasa cinta dan memuaskan kehendak pasangan. Ini menunjukkan, mempunyai teman lelaki atau wanita adalah faktor utama yang signifikan dalam menentukan aktiviti seks remaja. Di Malaysia, kes-kes kehamilan tanpa nikah merupakan punca utama kepada pembuangan bayi (Bernama, 2011). Lebih menyedihkan apabila permasalahan sosial ini turut menular dalam kalangan remaja di institusi pengajian tinggi (IPT) (Hashim, Khairulhelmi, Mohd Fahmi & Syed Mohamed, 2008; Khaidzir, Khairil Anwar & Hanina, 2010).

Istilah penghayatan agama di Malaysia telah mendapat perhatian dan tumpuan secara mendalam dan praktikal selari dengan era di mana Islam mulai dilihat sebagai satu cara hidup. Ramai pengkaji kebangkitan semula sekitar 70-an dan 80-an mengaitkan kesedaran Islam dengan dekad-dekad tersebut walaupun Islam yang sebatu mewarnai budaya dan cara hidup sebenarnya telah bermula sebelum penghayatan agama giat di wacanakan di Malaysia (Nor Salimah, 2008).

Selepas dekad-dekad ini, istilah yang sering diguna pakai ialah penghayatan Islam dan penghayatan agama. Selepas itu juga, para pengkaji mula menjadikan persoalan penghayatan keagamaan sebagai satu kajian. Namun kebanyakan kajian, diperingkat awal hanyalah bersifat konseptual sahaja. Sekitar penghujung 1990-an barulah penghayatan agama yang bersifat lapangan mula dilakukan. Kajian-kajian tersebut adalah seperti kajian oleh Hatta Shaharon (1996) yang menghasilkan skala pengukuran Hatta (Hatta Islamic religiosity scale 1996), Hanifah (2000), Jamiah (2004), Mohamad Abdur Rasyid (2005), Fatin Hazwani (2005), Hazura (2009) dan lain-lain.

Menurut Najati (1993), keruntuhan nilai akhlak di dalam sesebuah masyarakat boleh menjadi ancaman kepada kesejahteraan mental individu. Malek Bennabi (1998) pula menyatakan keruntuhan nilai akhlak turut menjadi punca sebenar kepada kemusnahan kerana keruntuhan nilai akhlak akan melemahkan setiap sendi sesebuah masyarakat. Para pengkaji barat juga menyedari kelemahan dalam sesebuah masyarakat dan pentingnya proses pementapan akhlak terutama sekali melalui agama (Mohd Sulaiman, Yasin, 1992)

Kajian Luar Negara

b) Penghayatan Agama

Kajian mengenai penghayatan agama atau 'religiosity' telah bermula seawal tahun 1935 oleh Thoules yang mengkaji penghayatan agama dari perspektif agama Kristian. Kajian penghayatan atau kesedaran agama merupakan kajian paling awal di lakukan oleh sarjana barat untuk mengetahui kebergantungan makhluk dan keperluan menghayati ajaran Tuhannya.

KESEDARAN AGAMA

Menurut Al-Ghazali (1988), akhlak seorang manusia boleh di bentuk dan diasuh menjadi baik menerusi kaedah *mujahadah* (perjuangan) dan *riyadah* (latihan). Kaedah ini merujuk kepada kaedah pendidikan akhlak dengan meningkatkan ilmu pengetahuan agama islam dan berusaha bersungguh-sungguh melakukan kebaikan sehingga menjadi kebiasaan dalam bertingkah laku (Mohd. Nasir, 2010). Kaedah ini dinamakan sebagai *tazkiyah al-nafs* (pembersihan jiwa).

Al-Ghazali (1988 : 1035-1037) memberi panduan pembentukan akhlak yang baik memerlukan daya kawal yang tinggi kepada empat aspek yang sangat mempengaruhi akhlak iaitu kekuatan ilmu, kekuatan marah, kekuatan nafsu syahwat dan kekuatan keadilan (keseimbangan diantara ketiga-tiga kekuatan tersebut). Kekuatan ilmu hanya berlaku apabila berlaku pembezaan antara benar dan dusta, benar dan batil, dan baik buruk sesuatu perbuatan serta tindakan.

Kekuatan marah dan kekuatan nafsu syahwat secara positifnya adalah yang terkawal (boleh di tahan dan dilepaskan kemarahan itu) menurut batas yang dikehendaki oleh kebijaksanaan (hikmah) yang berada di bawah penunjuk akal dan agama. Kekuatan keadilan pula, ialah kekuatan jiwa untuk mengekang kemarahan dan nafsu syahwat secara adil dan memandunya mengikut kehendak hikmah. Jika marah dan nafsu syahwat boleh tunduk dan dikawal oleh akal dan agama, marah akan bertukar menjadi keberanian (*syaja'ah*) dan nafsu syahwat pula bertukar menjadi *iffah* iaitu penjagaan diri yang terdidik dengan akal dengan akal dan agama. Atas sebab inilah al-Ghazali menyatakan bahawa induk kepada akhlak yang baik adalah keempat-empat sifat keutamaan ini iaitu *hikmah*, *syaja'ah*, *iffah* dan *adil*. Akhlak yang baik dan sifat-sifat lain yang terpuji merupakan cabang kepada induk ini. Jika remaja tidak dapat mengawal empat keutamaan ini, akan mendorong mereka untuk melakukan tindakan yang hanya mengikut nafsu syahwat. Firman Allah SWT,
Maksudnya,

“Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya yang sedia ada bersih, bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan). Dan sesungguhnya hampalah orang yang menjadikan dirinya (yang sedia bersih itu) susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat)”.

(Surah al-shams 91: 9-10)

Proses pembaikan akhlak sangat berkait rapat dengan rawatan jiwa. Termasuk dalam konsep rawatan pada jiwa ialah dengan menghapuskan perbuatan keji dan kerendahan akhlak dari jiwa, disamping dalam masa yang sama berusaha menghiasi diri dengan sifat dan akhlak yang mulia, yang baik kepada jiwa. Segala usaha dalam proses pembaikan ini menurut al-Ghazali, akan memberi kesihatan

kepada jiwa. Untuk mencapai tujuan kesihatan jiwa manusia, al-Ghazali menyarankan usaha perbaikan akhlak melalui proses latihan. Kawalan sifat marah dan nafsu syahwat misalnya, perlu kepada latihan (*riyadah*) dan bersungguh-sungguh dengan amalan ketaatan untuk mengawal diri (*mujahadah al-nafs*).

Menurut al-Ghazali lagi, maksud *mujahadah* dan *riyadah* ialah usaha membawa diri kepada perbuatan-perbuatan yang dikehendaki oleh akhlak mulia. Sebagai contoh, orang yang ingin menjauhkan maksiat dalam bentuk pergaulan bebas lelaki dan perempuan, maka caranya ialah ia membiasakan diri dalam waktu yang cukup lama, dengan perilaku orang-orang yang menjaga kehormatan diri, memperjuang dan memaksakan diri sehingga akhlak orang-orang yang menjaga kehormatan tersebut menjadi sehati (*hal*) sebagai akhlak dan tabiat dirinya. Ini kerana, akhlak keagamaan pada diri seseorang, sukar dan tidak menjadi tabiat selagi tidak di latih dan dibiasakan diri dengan akhlak serta kebiasaan yang baik. Latihan untuk tujuan ‘membiasakan diri’ sangat penting agar seseorang itu menjadi rindu kepada perbuatan dan amalan yang baik serta merasa nikmat bila melakukannya. Ia juga bertujuan menghasilkan seseorang yang benci kepada perilaku yang tidak baik malah merasa tersiksa jika tersalah melakukan perbuatan tersebut.

Kesedaran Agama Melalui Akidah

Menurut Al-Ghazali, sangat penting bagi seseorang memahami dengan penuh keyakinan tentang makna dan isi kandungan syahadah (penyaksiannya) bahawa tiada Tuhan yang di sembah melainkan Allah S.W.T dan nabi Muhammad itu pesuruh Allah S.W.T kerana keyakinan tersebut dapat mendorongnya mendukung Sunnah di samping terpelihara dari pengaruh golongan sesat.

Ia mengandungi keyakinan tentang kewujudan zat, sifat dan segala perbuatan Allah S.W.T dan keyakinan tentang kebenaran Rasul SAW termasuk keyakinan kepada semua perkara yang didengar melalui pengajaran agama. Termasuk dalam bahagian ini adalah keyakinan terhadap rukun-rukun iman (Ghazali, 1988: 375-377). Persoalan iman dan keyakinan mempunyai kesan kepada rasa taat di dalam hati manusia dan menjadi pendorong untuk beribadah dengan keyakinan terhadap pembalasan Allah S.W.T serta azab seksaNya.

Penghayatan Agama Melalui Ibadah

Penekanan kepada kepentingan meningkatkan kerohanian melalui jalan ibadah merupakan tumpuan kepada Ghazali. Di dalam Ayyuha al-Walad misalnya, Ghazali (1993) memulakan pandangan berbentuk amaran tentang tanda-tanda berpaling (kebencian) Allah S.W.T kepada seseorang hamba ialah apabila ia sibuk mengerjakan sesuatu yang tidak ada kena mengena atau tidak mustahak baginya, di samping menjelaskan bahawa, “jika berlalu waktu dari seorang hamba dalam

(keadaan ia mengerjakan sesuatu yang) selain dari tujuan sebenar ia dijadikan oleh Allah S.W.T di dunia ini iaitu untuk beribadah kepadaNya. Maka layaklah nanti ia di timpa penyesalan yang panjang dan sesiapa yang mencecah empat puluh tahun dalam keadaan amal baiknya tidak dapat mengatasi amal jahat”.

Agama merupakan salah satu aspek yang sudah tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan manusia. Ia dikatakan sebagai salah satu aspek di sini kerana manusia dari sudut pandangan antropologi dan sosiologi, mempunyai banyak lagi aspek yang mempengaruhi kehidupannya seperti ekonomi, masyarakat, politik serta keadaan psikologi dan emosi, kehidupan kekeluargaan dan banyak lagi. Namun begitu, rata-ratanya para sarjana berpendapat bahawa agama merupakan salah satu aspek atau elemen yang sangat berpengaruh dan mempunyai impak ke atas kehidupan manusia (Mashitah Sulaiman, 2011:2).

Perbincangan tentang takrifan agama dalam kerangka perbahasan akademik telah banyak dilakukan oleh para sarjana Barat dari pelbagai perspektif. Di sini, terdapat beberapa definisi agama telah di bawa oleh para ilmuan terkemuka di dunia.

1. Karl Marx (1818-1883 dalam bowker, 2005) pernah mengatakan bahawa agama itu adalah candu kepada masyarakat dunia
2. Sigmund frued (1856-1939, 2005) berpendapat hasil daripada penyiasatan psikoanalisis terhadap minda bawah sedar mendedahkan bahawa kepercayaan-kepercayaan agama sangat selari dengan fantasi kehidupan kanak-kanak, berkenaan kehidupan seksual ibu bapa seorang dan konflik-konflikdalamnya yang membawa kepada kewujudan agama.
3. Clifford Geertz (1926-2006 dalam Browker et. Al., 2005), menyatakan agama ialah satu simbol-simbol yang berperanan untuk menghasilkan perasaan hati (*mood*) dan motivasi yang kuat, bersifat merebak (*pervasive*) dan bertaahan lama (*longlasting*) dalam diri manusia dengan memformulasikan konsep-konsep yang umum tentang kewujudan dan memakainya dengan suatu aura yang kelihatan sangat benar, sehingga perasaan hati (*mood*) dan motivasi itu tadi juga kelihatan secara uniknya benar.
4. Edward Burnett Tylor (1832-1917 dalam Bowker, 2005), pula menyentuh definisi yang paling minima bagi agama sebagai kepercayaan kepada makhluk ghaib (*supernatural*).
5. Seterusnya agama mengikut pendekatan islam mempunyai pandangan yang berbeza dengan pendapat sebelumnya. Pada pandangan ialam, agama diturunkan untuk membimbing manusia kepada yang benar supaya mencapai kesejahteraan di dunia dan di akhirat dengan mempercayai Allah Yang Maha Esa selaku pencipta alam semesta dan mematuhi segala suruhan dan menjauhi segala larangannya (Haron Din, et al. 1990). Selain itu, agama membantu memahami masalah ketuhanan (Tauhid), kehidupan selepas mati, perkara-perkara ghaib, pembalasan amal dan sebagainya (Fatin Hazwani, 2005: 28)

PENDEKATAN PSIKOLOGI DAKWAH

Dalam usia remaja, seseorang individu itu perlu mengharungi dengan penuh kematangan dari segi jasmani dan rohani. Dalam usia ini juga, remaja semestinya harus dibimbing dengan sepenuhnya dengan norma-norma kehidupan dunia dan akhirat. Keperibadian yang mantap yang berlandaskan hukum-hukum Islam semasa pertumbuhan remaja sangat penting dalam Islam dengan menggunakan pendekatan psikologi dakwah sangat sesuai bagi membimbing jiwa remaja. Ini kerana pertumbuhan manusia perlu dititikberatkan pada tiga pertumbuhan iaitu pertumbuhan sebelum kelahiran, pertumbuhan setelah kelahiran dan pertumbuhan indera pada kanak-kanak (Dr. Muhammad 'Uthman Najati 2001: 280). Maka, jika ketiga-tiga peringkat ini dibimbing dengan sempurna, maka remaja tidak lagi berkelakuan negatif dan melakukan perkara-perkara songsang dalam kehidupan mereka. Oleh itu, dalam bab ini, akan membincangkan tentang pendekatan-pendekatan dalam psikologi dakwah yang akan diaplikasikan kepada remaja yang bertingkahtaku negatif amnya dan remaja yang hamil tanpa nikah khususnya. Pendekatan-pendekatan psikologi dakwah dari sudut Psikoterapi Islam, Kaunseling Islam, Motivasi dan Emosi yang akan diaplikasikan kepada remaja hamil tanpa nikah dalam kajian ini.

i) Psikologi dakwah dari sudut Psikoterapi Islam

Psikologi dakwah dari sudut Psikoterapi Islam terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu Psikoterapi dalam Al-Quran yang dibincangkan dari iman dengan akidah, takwa dan ibadah, Psikoterapi dalam perspektif Hadis melalui zikir, doa dan taubat, Psikoterapi dakwah dari sudut Kaunseling Islam, Psikoterapi dakwah dari sudut motivasi iaitu motivasi dari pandangan Al-Quran dan motivasi dari perspektif Hadis dan Psikoterapi dakwah dari sudut Emosi iaitu Emosi dari pandangan Al-Quran dan Emosi dari perspektif Hadis. Dalam bab ini akan membincangkan secara mendalam tentang perkara-perkara yang telah dinyatakan diatas.

a. Psikoterapi dalam Al-Quran:

Al-Quran merupakan kitab suci dalam agama Islam yang diturunkan oleh Allah SWT secara berperingkat-peringkat kepada junjungan besar Nabi Muhammad saw. Semua isi kandungannya mengandungi pelbagai ilmu yang menjadi panduan utama kepada seluruh manusia dimuka bumi ini. Sebagaimana Allah SWT berfirman :

“Al-Quran ini adalah pedoman bagi manusia, petunjuk dan rahmat bagi kaum yang menyakininya”

(Surah Al-Jatsiyah : 20)

“Hai manusia, sesungguhnya telah datang kepada kalian pelajaran dari Rabb kalian dan penyembuh bagi penyakit-penyakit (yang berada) dalam dada, serta petunjuk dan rahmat bagi orang-orang yang beriman”

(Suran Yunus : 57)

Ayat-ayat Allah telah banyak membuktikan tentang kitab Al-Quran ini yang semestinya boleh digunakan dalam semua perkara dalam kehidupan kita. Oleh itu, kita lihat tentang psikologi dakwah dalam pendekatan psikoterapi dalam Al-Quran dalam mengupas tentang pendekatan psikologi dakwah dalam menangani isu remaja hamil tanpa nikah ini. Metodologi Psikoterapi dalam Al-Quran terbahagi kepada tiga iaitu iman dengan akidah tauhid, takwa dan ibadah yang dilakukan melalui solat, puasa dan haji.

Al-Quran mampu mengubati jiwa-jiwa bangsa Arab dan mengubah keperibadian mereka untuk memeluk Islam seterusnya menjadikan kitab suci Al-Quran sebagai panduan dalam kehidupan seharian. Al-Quran mempunyai kehebatan yang luar biasa dalam mempengaruhi kepribadian dan tingkahlaku manusia dengan memberi perubahan yang besar dan ia memiliki hasil yang jauh peengaruhnya dalam sistem kehidupan manusia yang mempunyai keperibadian yang tinggi dalam sistem hubungan manusia dengan keluarga dan masyarakat umum keseluruhannya. Dalam masa yang singkat, Al-Quran berjaya membentuk manusia mempunyai peribadi yang berintergriti yang tinggi, bijaksana serta kemampuan yang luar biasa mampu mengubah tamadun dalam perjalanan sejarah manusia. Oleh itu, kita boleh melihat bagaimanakah Al-Quran mampu menjadi penyembuh kepada umat-umat yang semakin jauh dari kehidupan sebagai seorang hamba Allah SWT dimuka bumi ini dilihat dari sudut metod psikoterapi dalam Al-Quran.

i) Iman dengan akidah tauhid

Ayat-ayat yang diturunkan di Mekah dalam tempoh pertama dakwah Islam secara prinsipnya bertujuan untuk mengukuhkan akidah tauhid masyarakat Mekah. Metod Al-Quran yang menggunakan pendekatan dari segi balaghahnya sangat tinggi yang pada awalnya masyarakat Mekah kurang memahami. Tetapi apabila akhirnya setalah mereka memahami, mereka telah menjadikan Al-Quran sebagai panduan utama dalam pelbagai rujukan seperti hukum hakam, muamalah, tanda-tanda kekuasaan Allah SWT yang akhirnya semua pendekatan-pendekatan dalam Al-Quran memberikan mereka menjadi bersemangat untuk mendalami dengan jauh lebih mendalam isi kandungan Al-Quran keseluruhannya.

Semua ini memiliki pengaruh yang sangat signifikan dalam penerimaan manusia terhadap agama baru yang akhirnya mewujudkan keimanan dengan akidah tauhid mereka kepada Allah SWT. Keimanan dengan akidah tauhid merupakan langkah pertama dalam menciptakan perubahan besar kepada kepribadian seseorang muslim. Ia juga dapat melahirkan kedalam diri manusia kekuatan spiritual yang besar yang mampu mengubah pandangan seseorang terhadap diri sendiri, orang lain, dan alam semesta dengan kesempurnaannya. Semuanya ini dapat membantu dengan memberikan makna baru bagi misinya dalam menjalani hidup, memenuhi kalbunya dengan kecintaan kepada Allah, RasulNya dan manusia disekelilingnya. Akhirnya, manusia akan merasa aman dan tenteram pada diri mereka sendiri dalam menjalani kehidupan sehingga bertemu dengan Robbinya.

ii) Takwa

Menurut Uthman Najati diterjemahkan oleh Ibn Ibrahim (2001), Keimanan kepada Allah semestinya diikuti oleh ketakwaan kepada Allah. Takwa bermaksud seseorang memelihara dirinya dari kemurkaan Allah dan siksaNya dengan menjauhi perbuatan-perbuatan maksiat dan seterusnya ketekunan pada ajaran Allah SWT yang digambarkan oleh Al-Quran panduan kita dan dijelaskan oleh Rasulullah SAW, sehingga kita melakukan apa yang telah diperintahkan oleh Allah SWT serta meninggalkan laranganNya.

Konsep takwa adalah mengandung penguasaan seseorang pada motivasi-motivasi dan emosi-emosinya serta penguasaannya diatas kecenderungan-kecenderungan dan keinginannya, maka ia memenuhi motivasinya dalam batas-batas yang diperkenankan syariatnya sahaja. Konsep takwa ini tidak mengandung penghinaan terhadap fitrah motivasi-motivasinya, bahkan hanya mengandung pengekanan dan pengawalannya, serta pemenuhannya dalam batas-batas yang diperkenankan menurut syariat. Ini dapat dibuktikan dalam firman Allah SWT :

Hai orang-orang yang beriman (kepada para Rasul), bertakwalah kepada Allah dan berimanlah kepada RasulNya, nescaya Allah akan memberikan rahmatNya kepada kalian dua bahagian, dan menjadikan untuk kalian cahaya, dengan cahaya itu kalian dapat berjalan dan Dia mengampuni kalian. Dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.

(Surah Al-Hadid: 28)

iii) Ibadah

Pendidikan dalam Al-Quran melalui keperibadian manusia dalam mengubah tingkahlaku mereka mengikut cara mereka bekerja dan fikiran-fikiran yang ditanam dalam jiwa mereka. Maka, untuk itu, Allah SWT mewajibkan ibadah-ibadah yang berbeza-beza seperti solat, zakat, puasa dan menunaikan ibadah haji. Ini kerana, pelaksanaan ibadah-ibadah ini dalam waktu-waktu tertentu yang dilakukan secara teratur yang mengajar orang mukmin untuk taat kepada Allah SWT, mentaati perintahNya, selalu menghadap kepadaNya dalam penuh kehambaan sebagaimana mengajarkan kepada kita untuk bersifat sabar. Ibadah-ibadah ini akan membantu kita untuk memelihara diri dari segala penyakit kejiwaan yang ada.

KESIMPULAN

Kajian ini telah menjelaskan beberapa pandangan para sarjana tentang penghayatan agama dan tingkah laku delinkuen remaja yang terlibat dalam masalah hamil tanpa nikah di mana pihak yang terdekat seperti keluarga, rakan sebaya memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi individu.

Kajian-kajian yang telah dilakukan oleh para pengkaji terdahulu jelas membuktikan bahawa tingkah laku delinkuen timbul hasil dari proses peniruan tingkah laku yang telah diperkukuhkan sejak dari zaman kanak-kanak lagi. Zaman perkembangan kanak-kanak dan remaja merupakan zaman yang sangat kritikal dalam kehidupan seseorang individu. Apa juga unsur-unsur negatif yang tidak diingini akan mudah meresap ke dalam jiwa kanak-kanak dan remaja. Jika ibu bapa gagal menunjukkan contoh teladan yang baik, maka anak-anak juga dikhuatiri akan gagal mempamerkan tingkah laku yang baik. Hasilnya, pelbagai tingkah laku anti sosial akan menjadi amalan harian anak-anak, dan terus berkembang sehinggalah mereka dewasa kelak. Terdapat juga kajian yang membuktikan bahawa, pegangan atau kesedaran agama yang ada dalam diri remaja akan membantu remaja untuk tidak tergolong dalam masalah sosial. Oleh sebab itu, kesedaran agama penting dalam diri supaya dapat membantu remaja dari melakukan perkara-perkara yang melanggar syariat yang dianjurkan dalam islam serta boleh merosakkan masa depan mereka sendiri.

Kajian ini juga menjelaskan pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh beberapa sarjana tentang tingkah laku delinkuen remaja hasil daripada peniruan dan pendedahan kepada tingkah laku delinkuen dari masyarakat dalam persekitaran mereka. Kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu jelas membuktikan bahawa tingkah laku langsung ini dipengaruhi oleh proses peniruan dari keadaan sekeliling sejak dari kanak-kanak lagi seterusnya kajian ini dapat merungkai segala permasalahan yang dihadapi oleh Remaja Hamil Tanpa Nikah dengan menggunakan pendekatan Psikologi Dakwah.

BIODATA PENULIS

Siti Aishah Yahya adalah penyelaras khidmat sosial jaringan industri dan masyarakat KUIM dan pensyarah di Jabatan Psikologi, Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka

RUJUKAN

- Al-Quran Al-Karim
Al-Ghazali. 1988. *Ihya' Ulum Al-Din*. Jilid 1. Terj. TK. H. Ismail Yakub. Singapura: Pustaka Nasional.
- Al-Qaradhawi Yusuf. 1984. *Ke Arah Pelaksanaan Syariah Islamiyyah*. Terj. AbdulRahman Ahmad Jerlun. Syah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Albert Bandura. 1977. Dalam John. W. Santrock. 2003. *Adolescence Perkembangan Remaja*. Penerbit Erlangga.
- Abd-Allah Nasih Ulwan (2001). *Child Education In Islam*. Cairo, Egypt: Dar El Salam.
- Abd. Rahim. 2006. *Institusi Kekeluargaan Menghadapi Cabaran Alaf Baru*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Azizi Hj. Yahaya. 2008. *Pembentukan Personaliti Remaja*. Kertas Kerja Seminar Kaunseling Keluarga. 2008. 1-16.
- Azizi Yahaya Dan Jamaluddin. 2007. *Psikologi Abnormal*. Johor : Universiti Teknologi Malaysia.
- Bandura, A. 1977. *Self-Efficacy: Toward A Unifying Theory Of Behavioral Change*. *Psychological Review*. 84. 191-215.
- Barnes, H. L. And Olson, D. H. 1985. *Parent-Adolescent Communication And The Circumplex Model*. *Child Development*. 56. 438-447.
- Barbara, M. 2006. *Teen Dating: A Mom's Guide*. *Good Housekeeping*, 243 (1), 108-111.
- Bername. Mei 2011. *Takut Punca Buang Bayi*. *Berita Harian*.
- Bingham & Crockett. 1996. *Longitudinal Adjustment Pattern Of Boys And Girl Experiencingearly, Middle And Late Sexual Intercourse*. *Developmental Pshychology*, 32, 647-658.
- Cavanaugh, S.E. 2004. *The Sexual Debut Of Girls In Adolescent: The Intersection Of Race, Puberty Timing, And Friendship Group Characteristics*. *Journal Of Research On Adolescent*, 14, 285-312.
- Corcoran, J. & Nichols-Casebot, A. 2004. *Risk And Resilience Ecological Framework For Assessment And Goal Formulation*. *Child And Adolescent Social Work Journal*. 21. 211-235.
- Dixon-Mueller, R. 2009. *Starting Young: Sexual Initiation And HIV Prevention In Early Adolescence*. *AIDS Behavior*, 13, 100-109.

- Eric Erikson. 1963. Dalam Azizi Yahaya, Noordin Yahya Dan Zurihanmi Zakariya. 2005. Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Eric Erikson. 1963. Dalam Mohd Sharani Bin Ahmad. 2004. Psikologi Kanak-Kanak. Pts Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Fatimah Abdullah. 2010. Punca Gadis Hamil Luar Nikah. Bangi. Unversiti Kebangsaan Malaysia.
- Fatin Hazwani. 2005. Hubungan Antara Internal Religiosity Dan Tret Personaliti Dengan Budaya Amali Pelajar Sekolah Agama. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Farahwahida Mohd. Yusof Dan Norazila Binti Sugiman. 2011. Journal Of Education Psychology And Counseling.
- Hall, G.S. 1904. Adolescence: Its Psychology, And Its Pelations To Psysiology, Anthropology, Sociology, Sex, Crime, Religion And Education: (2 Vols). New York: Appleton- Century Crofts.
- Haron Din, Hassan Salleh, Sulaiman Yasin & Sidi Gazalba. 1990. Manusia Dan Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa.
- Haron Din. 2007. Islam: Ada Apa Dengan Islam?. PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Hashim, B. Khairulhelmi, K. Mohd Fahmi, M.S. Syed Mohamed Syafeq, S.M. 2008. Keruntuhan Akhlak Dan Gejala Sosial Dalam Keluarga: Isu Dan Cabaran. Dalam Seminar Kaunseling Keluarga, 30 Ogos 2008, Johor Bahru. Malaysia.
- Hatta Shaharom, Hanafiah M. Salleh, Mohd Idris M Nor, Khadijah Shamsuddin, Kasmini Kassim, Rohani Ismail & Nurmalayati Moktar. 1996. Hatta Islamic Religiosity Scale. A Reliability And Validity Study. Malaysian Journal Of Psychiatry, 8 (1).
- Hazura, 2009. Hubungan Antara Penghayatan Agama, Niai Hidup Dan Pengetahuan Alam Sekitar Pelajar Muslim Dengan Sikap Dan Tingka Laku. Phd Thesis, Universiti SainsMalaysia.
- Handin, M.J. & Fatusi, A.O. 2009. Adolescent Sexual And Reproductivehealth In Developing Countries: An Overview Of Trendsand Interventions. International Perspectives On Sexual And Reproductive Health, 35 (2), 58-62.
- Hodge, D. R. Cardenens, P. & Mantoya, H. 2001. Subtance Use: Spirituality And Religious Participationas Protective Factors Among Rural Youth. Social Work Research, 25(3), 153-161.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2011. Laporan Kiraan Permulaan: Banci Penduduk Dan Perumahan Malaysia 2010. Jabatan Perangkaan Malaysia, kuala lumpur.
- Jackson, S. 1998. Adolescents' Perceptions Of Communication With Parents Relative To Specific Aspects Of Relationships With Parents And Personal Development. Adolescence. 21 (3). 305-322.
- Jasiman Dan Nora. 2000. Dasar Kependudukan Menjelang Alaf Baru. Kuala Lumpur: Goodmark Enterprise.

- Jamiah Hj. Manap, 2004. Prinsip Pengukuran Religiosity Dan Personality Religiosity Daripada Perspektif Islam. Kertas Kerja Dibentangkan Dalam International Seminar On Islamic Thought, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Jas Laile Suzana Jaafar. 2005. Takat Keagamaan (Religiosity) Dan Motivasi Sosial Seks Sebelum Nikah Di Kalangan Remaja Melayu Dalam Roziah Omar Dan Sivamurugan Pandian. Malaysia Isu-Isu Sosial Semasa. Unit Penerbitan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 2005. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kazdin. 1980. *New Perspectives In Abnormal Psychology*. United Kingdom: Oxford University Pres.
- Khadijah Alavi, Salina Nen, Fauziah Ibrahim, Noremy Md. Akhir, Mohd Suhaimi Mohamad, Norhasliza Mohd Nordin. 2012. Hamil Luar Nikah Dalam Kalangan Remaja. e-Bangi. *Journal of Social Sciences and Humanities*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khaidzir, R. V. & Hanina, H. Hamsan. 2010. Analisis Kecenderungan Penyalahgunaan Bahan Dan Faktor Keagamaan: Kajian Kes Terhadap Belia Di Sebuah IPTA. *Malaysia Journal Of Youth Studies*, 3. 225-236.
- Khaidzir Ismail. 2010. Remaja Hamil Luar Nikah. Utusan, 16 September: 17. Laporan Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia. 2010.
- Mahmood, N.M. Nadiyah Elias. 1997. Kajian Gaya Hidup Remaja Negeri Kedah. Al-Bukhary Foundation, Kedah Islamic Development Foundation And Kedah Youth Council Research Grant: Contract Research Report, UUM-MBK.
- Mahathir, M. 1991. *The Way Forward- Vision 2020*. Working Paper Presented At The Launching Of Malaysian Business Council. Kuala Lumpur.
- Malek Bennabi. 1998. *On The Origins Of Human Society*. Terjemahan Oleh Mohamed.
- Malmitis-Puchner, A. & Boutsikou, T. 2006. Adolescent Pregnancies And Perinatal Outcome. *Pediatric Endocrinology Review*, 3, 170-171.
- Mashitah Sulaiman. 2011. Agama Sebagai Faktor Pelestarian Pembangunan Mapan: Nilaiannya Dari Perspektif Kehidupan Belia Masa Kini. Department Of Islamic History And Civilization Academy Of Islamic Studies University Of Malaya.
- Muhammad Anwar. 1989. *Pemuda Islam Di Britain: Keperluan Pendidikan Dan Implikasi Dasar Mereka* (M. Wasiullah Khan/ Mohamad Nordin Sainuddin). Pendidikan Dan Masyarakat Dalam Dunia Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mc Cullough, M.E & Willioughby, L.B. 2006. Religion, Self-Regulation And Self Control: Association, Explanation And Implication. *Psychological Bulletin*, 135(1), 69-35.

- Mcbride, C.K. Paikoff, R.L & Holmbeck, G.N. 2003. Individuals And Familial Influences On The Onset Of Sexual Intercourse Among Urban African American Adolescent. *Journal Of Consulting And Clinical Psychology*, 71 (1), 159-167.
- Miftah Aulia Andisti & Ritandiyono. 2007. Hubungan Antara Religiusitas Dan Perilaku Seks Bebas Pada Dewasa Awal. Lembaga Penelitian Universitas Gunadarma.
- Mohammad Shatar Sabran. 2003. Pengenalan Kepada Masalah Sosial. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Montemayor Dan Hanson. 1989. Dalam Azizi Yahya Dan Jaafar Sidek Latif. 2005. Membentuk Identiti Remaja. Pts Professional Publishingsdn .Bhd.
- Najati, Muhammad Uthman. 1993. Al-Hadith Al-Nabawiy Wa 'Ilmu Al-Nafs. Beirut: Dar Al Syuruq.
- Pak J. 2010. Growing Problem Of Abandoned Babies In Malaysia. Bbc News Asia-Pacific. 21 St August 2010 (On-Line) Available At: [Http://Www.Bbc.Co.Uk/News/World Asia-Pacific-11050427](Http://Www.Bbc.Co.Uk/News/WorldAsia-Pacific-11050427) (Accessed: 20/1/12).
- Robert Merton Dan Zahn Waxler. 1986. Dalam Chase Landale, Wakschlag Dan Brooks Gun. 2005. Dalam *Jurnal Perkama* 9. 2001.
- Robiah Binti Abdullah. 2001. "Akhlag Dan Kehidupan Sosial Pelajar-Pelajar Islam UTM Yang Tinggal Diluar Kampus. Satu Kajian Kes Di Taman Sri Skudai dan Taman Sri Pulau". (Kertas Projek Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Skudai, H. 8, 72.
- Robiah. 2001. Dalam Zainuddin Abu, Zuria Mahmud Dan Salleh Amat. 2008. Pendekatan Kaunseling Menangani Masalah Kebebasan Dalam Kalangan Pelajar Institut Pengajian Tinggi : Kajian Kes. *Jurnal Pendidikan*
- Safurah. 2011. *Garis Panduan Pelaksanaan Perkhidmatan Kesihatan Remaja Di Peringkat Kesihatan Primer*. Malaysia: Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Siti Nor Yaacob, Abdullah Al-Hadi Muhamed Dan Mastura Kamarudin. 1994. Faktor- Faktor Keluarga dan Tingkh Laku Tidak Bermoral Di Kalangan Remaja. *Manusia Dan Masyarakat*. 9. 125-141.
- World Health Organization. 2007. *Education And Treatment In Adolescent Sexuality: The Training Of Health Professional*. Geneva: WHO.
- Zuhriah Mohd. Juoi. 2006. *Masalah Seks Dan Jalan Penyelesaiannya*. Johor Bharu: Perniagaan Jahabersa.